



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN MEDIA

PENGEKALAN STATUS TAPAK RIZAB BIOSFERA TASIK CHINI

Kerajaan Negeri Pahang meraikan pengekalan status Rizab Man and the Biosphere (MAB) bagi Tasik Chini, Pahang pada hari ini bertempat di Hotel Swiss-Belhotel di Tanjung Lumpur, Kuantan, Pahang Darul Makmur. Ia diadakan bersekali dengan Majlis Perasmian Penutupan Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Ulu Cheka.

Majlis disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri Besar Pahang dan turut dihadiri oleh Encik Abdul Wahid Abu Salim, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) mewakili YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

MAB merupakan program di bawah UNESCO bagi memperkukuhkan hubungan dan pertalian antara manusia dengan alam sekitar. NRECC merupakan *national focal point* kepada Program MAB.

Kejayaan mengekalkan status Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini dibuat semasa Mesyuarat International Coordinating Council of the 35th Session of the International Coordinating Council of Man and the Biosphere Programme (ICC MAB35) pada 13 Jun 2023 di Paris setelah menepati *kriteria Statutory Framework of the World Network of Biosphere Reserves* (WNBR).

Pengekalan status Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini adalah sangat signifikan kepada negara kerana ia memmanifestasikan usaha kolektif Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta pelbagai pemegang taruh termasuk penyelidik dan masyarakat setempat.

NRECC mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang dan berharap usaha-usaha terus dipergiatkan dalam menambah baik serta mengukuhkan pengurusan Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini.

Tasik Chini merupakan tapak rizab biosfera pertama di Malaysia yang mendapat pengiktirafan pada tahun 2009. Malaysia juga mempunyai 2 lagi tapak rizab biosfera iaitu Banjaran Crocker, Sabah dan Bukit Bendera, Pulau Pinang yang masing-masing mendapat pengiktirafan pada tahun 2014 dan 2021.

Setiap tapak rizab biosfera perlu mengemukakan laporan *periodic review* selepas 10 tahun pengiktirafan untuk penilaian semula oleh Sekretariat UNESCO.

NRECC sentiasa komited dalam menyokong usaha-usaha Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memulihara tapak rizab biosfera sedia ada dan mencalonkan kawasan-kawasan yang berpotensi sebagai tapak rizab biosfera yang baharu di masa hadapan.

YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
5 SEPTEMBER 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia